Sedutan Sejarah Islam:

Nabi Muhammad Semasa di Alam Kanak-Kanak

Bersempena dengan terbitnya majalah Qalam bilangan (212) di dalam bulan Rabi' al-Awwal, di mana bulan dilahirkan Junjungan kita Nabi besar Muhammad *salla Allāhu 'alayhi wa sallam*, maka ada baiknya kita mengulangi sedikit riwayat tentang kelahiran beliau serta menggambarkan dengan serba ringkas sejarah hidupnya di alam kanak-kanak yang penuh dengan berbagai-bagai penderitaan. Penderitaan-penderitaan yang sebegitu pedih tentu sekali tak sanggup dipikul oleh seorang kanak-kanak yang sebegitu mentah usianya. Tetapi, oleh kerana kehidupan beliau sentiasa di bawah perlindungan dan pengawasan Allah *Subḥānahu wa Ta'ālā*, maka segala pahit getir yang dialaminya itu menjadi suatu kuasa pendorong kepadanya untuk menghadapi gelanggang hidup yang dipenuhi ranjau dan pancaroba setelah beliau diserahkan tanggungjawab menegakkan agama Allah di muka bumi ini. (Pengarang).

(Susunan : Ibnu Omar)

Nabi Muhammad dilahirkan :

Meskipun ahli-ahli sejarah bersalahan pendapat pada menentukan hari tarikh dan tahun Nabi Muhammad *salla Allāhu 'alayhi wa sallam* dilahirkan, tetapi menurut riwayat yang masyhur beliau dilahirkan pada malam Isnin 12 Rabi' al Awwal tahun *Fīl* (Gajah) bersamaan dengan 20 haribulan Ogos tahun 570 M. di Kota Makkah al-Mukarramah.

Ayahandanya Abdullah bin Abdul Mutalib bin Hasyim, terdiri dari suatu keluarga bangsawan Quraisy yang amat terkenal dan besar pengaruhnya, bukan sahaja di kalangan masyarakat di Kota Makkah, malahan di seluruh semenanjung Tanah Arab. Sebegitu tinggi kedudukan keluarga ini dalam pandangan bangsa Arab seluruhnya, sehingga urusan-urusan menjaga Baitullah al-Ḥarām, menerima tetamu, melayani dan menjamu para pengunjung rumah suci yang datang dari segenap tempat dan setiap musim, diserahkan kepada mereka turun-temurun.

Bondanya Siti Aminah binti Wahab bin Abdul Manaf bin Zahrah juga adalah terdiri dari suatu keluarga bangsawan yang amat dihormati di dalam kalangan kabilah-kabilah Arab seumumnya. Dalam masa Nabi Muhammad masih berada di dalam kandungan bondanya, ayahandanya telah meninggal dunia di Kota Yathrib (Madinah) dalam perjalanannya pulang bersama-sama dengan satu kabilah perniagaan dari negeri Syam. Ia hanya meninggal harta warisan untuk puteranya yang masih di dalam kandungan itu sebanyak 5 ekor unta, beberapa ekor kambing biri-biri dan seorang hamba perempuan bernama Ummu Aiman, yang kemudiannya menjadi pengasuh Nabi yang amat setia.

Dari bulan ke bulan kandungan Siti Aminah semakin besar, dan manakala tiba saatnya yang telah ditentukan oleh Tuhan, yaitu pada malam Isnin 12 Rabi' al Awwal tahun Gajah – menurut riwayat masyhur – maka ia pun bersalin melahirkan seorang putera.

Berita gembira ini lantas disampaikan kepada nendanya Abdul Mutalib yang pada ketika itu sedang berada di sisi Kaabah. Dengan tergesa-gesa, dengan perasaan tak sabar orang tua itu pulang ke rumah menantunya Siti Aminah untuk melihat cucunya yang baharu lahir itu. Bayi itu dipeluk, dicium dan didukungnya dan lalu dibawa ke sisi Kaabah ditawafkan tujuh kali, kemudian dinamainya "Muhammad".

Kemudian Muhammad dibawanya pulang dan diserahkan kepada ibu kandungnya, sementara menunggu ketibaan ibu susuan yang dipanggil dari luar kota, yang biasa mengambil upah mengasuh dan menyusukan anak-anak orang bangsawan, menurut adat kebiasaan kaum bangsawan Makkah pada zaman itu.

Disusukan oleh Thuwaibah:

Sementara menanti ketibaan pengasuh dari luar kota, Nabi Muhammad disusukan oleh Thuwaibah jariah pamannya Abu Lahab. Menurut riwayat meskipun Thuwaibah menyusukan nabi hanya beberapa hari sahaja, tetapi kebaikan ibu susuannya yang pertama itu tidaklah dilupakan oleh beliau sehingga sesudah Nabi dewasa,

sampai masanya beliau diangkat menjadi rasul, tidak putus-putus beliau mengirimkan makanan, belanja, pakaian dan sebagainya kepada Thuwaibah, hingga sampai ibu susuannya yang pertama itu meninggal dunia kira-kira dalam tahun ketujuh Hijriah. Dan sesudah ia meninggal dicarinya anaknya (saudara susuannya) untuk tempatnya menumpahkan kasih sayang dan menyambung silaturahim, tetapi ternyata anak itu pun sudah meninggal lebih dahulu daripada ibunya.

Sesudah beberapa hari Nabi Muhammad disusukan oleh Thuwaibah, maka datanglah perempuan-perempuan Badwi dari kampung-kampung yang jauh, di antaranya perempuan-perempuan dari kabilah Banī Sa'ad, yang terkenal pandai dan mempunyai pengalaman dalam pekerjaan menyusu dan mengasuh kanak-kanak yang baharu dilahirkan. Mereka datang ke Makkah kerana mencari keluarga-keluarga yang mahu menyerahkan anak-anak mereka untuk diasuh dan disusukan. Pengasuh-pengasuh itu biasanya, lebih suka mengambil dan mengasuh kanak-kanak dari keluarga hartawan yang memberikan upahan yang agak lumayan.

Oleh kerana itu perhatian mereka terhadap diri Nabi Muhammad, sebagai seorang anak yatim yang telah ditinggalkan ayahnya semasa ia masih di dalam kandungan ibunya tidak ada sama sekali, selain daripada Halimah binti Abi Zuaib dari Banī Sa'ad. Ini pun kerana ia sendiri hampir-hampir berputus asa, tidak mendapat kanak-kanak lain yang akan diasuhnya, sebab keluarga-keluarga hartawan yang mempunyai anak-anak kecil tidak mahu memberikan anak-anak mereka kepadanya, kerana mereka tahu keadaan rumahtangga Halimah yang hidup di dalam serba-serbi susah itu.

Disusukan oleh Halimah As-Sa'adiah:

Maka dengan sebab itu ia sendiri yang tadinya sudah tidak mahu mengasuh dan menyusukan Nabi Muhammad, kerana mengharap-harapkan akan dapat mengasuh dan menyusukan anak-anak orang hartawan yang mempunyai kemampuan memberi upah yang lebih, lalu fikirannya berbalik dan lantas berkata kepada



Mawlid al-Rasul (tempat diputerakan Rasulullah *salla Allāhu 'alayhi wa sallam*) yang terletak di kampung Shi'b Ali – Makkah al-Mukarramah. Bagi memelihara tempat bersejarah ini sampai jangan dicemari oleh perbuatan-perbuatan syirik yang merosakkan iman seseorang Islam, maka oleh Kerajaan Saudi didirikan sebuah "Kutubkhanah Rakyat" sebagai memperingati bahawa ditempat inilah mula lahirnya nur Islam menyinari seluruh alam jagat – gambar Edrus Qalam.

suaminya Harith bin Abdul 'Uzza: "Saya tidak senang hati pulang ke kampung dengan tangan hampa, sedang ke semua kawan-kawan saya, telah pulang membawa kanak-kanak, baiklah saya ambil anak yatim yang bernama Muhammad yang tadinya telah ditawarkan kepada saya untuk mengasuh dan menyusukannya". Maka jawab suaminya: "Itu tidak menjadi salah, mudah mudahan Allah memberkati kita kerana menolong seorang anak yatim."

Dan memang benar dugaan yang dikatakan oleh Harith itu. Selama Nabi Muhammad diasuh dan disusukan oleh Halimah, keadaan rumahtangga keluarga miskin itu menjadi mewah dan makmur. Binatang-binatang ternakan berkembang membiak, air susunya keluar banyak, tanaman-tanaman mereka tumbuh dengan subur dan hasilnya berlipat ganda. Ada kira-kira dua tahun Nabi Muhammad disusukan oleh Halimah as-Sa'adiah, sesudah ia dihentikan daripada menyusu, lalu dihantarkannya kembali kepada ibu kandungnya Siti Aminah binti Wahab.

Sungguh pun Siti Aminah sendiri amat gembira menyambut kedatangan anak kandungnya yang telah bercerai daripadanya semenjak ia dilahirkan, namu kepada Halimah ia meminta supaya Muhammad dibawa kembali ke Badiah (perkampungan orang-orang Badwi) lantaran ia berasa khuatir kesihatan anaknya yang telah dilihatnya tumbuh dengan subur dan segar itu terganggu oleh udara Kota Makkah yang kurang baik itu. Oleh kerana itu Nabi Muhammad pun dibawa oleh Halimah kembali ke kampungnya sehingga ia berumur lima tahun.

Hidup di kampung Badwi:

Dari udara dan iklim padang pasir yang sentiasa terbuka, dan dari suasana pergaulan masyarakat orang Badwi yang sentiasa diliputi udara merdeka dan bebas itu, dapatlah Nabi Muhammad menikmati kebahagiaan hidup bebas dan merdeka, kemerdekaan dari segi rohani dan jasmani yang menjadi semangat hidup setiap penduduk di tanah gurun yang luas saujana itu. Dari kabilah Banī Sa'ad yang terkenal halus tutur kata bahasanya dapat pula ia mempelajari dan merasakan keindahan bahasa Arab yang bermutu tinggi, sehingga beliau sendiri bersabda: "***Ana a'arabukum, ana Quraisy, wastarda'tu fi Banī Sa'ad bin bakr***." Maksudnya: Saya seorang Arab yang sempurna-sempurnanya di antara kamu, saya dilahirkan dari keturunan Quraisy dan saya disusukan di kampung Banī Sa'ad bin Bakr."

Masa kanak-kanak yang dijalankan oleh Nabi Muhammad diperkampungan kabilah Banī Sa'ad itu, meninggalkan kesan yang mendalam di hati nuraninya. Kesan yang indah itu terus hidup selama-lamanya di dalam jiwanya yang suci bersih itu, terutama terhadap ibu susuannya Halimah as-Saadiah dan kaum keluarganya. Sesudah beliau beristeri dan sesudah beliau diangkat menjadi rasul, budi baik keluarga ini tak pernah dilupakannya. Menurut riwayat pada setiap kali Halimah itu datang ke rumahnya, jubahnya sendiri dibentangkannya untuk tempat duduk ibu susuannya itu. Pada suatu musim, sesudah beliau berkahwin dengan Siti Khadijah binti Khuwailid bahaya kelaparan menjalar di seluruh tanah Arab. Halimah datang kepada Nabi Muhammad minta pertolongan. Ketika ia hendak pulang ke kampung, ibu susuannya itu dibekalinya air minum secukupnya dan dan[1] kambing sebanyak lima puluh ekor.

Penderitaan yang pertama ditinggalkan oleh ibu kandung:

Kembali kita menceritakan riwayat hidup Nabi Muhammad dalam dunia kanak-kanak. Sesudah beliau berumur lima tahun ia dihantarkan kembali ke Makkah kepada ibu kandungnya Siti Aminah. Dan setahun ke Madyan sesudah ia berumur enam tahun, lalu dibawa oleh ibunya ke Madinah bersama-sama dengan Ummu Aiman (jariah yang ditinggalkan oleh ayahandanya). Tujuan ia dibawa ke sana ialah pertama untuk memperkenalkannya dengan keluarga sebelah ibunya yaitu keluarga Banī al-Najjār, kedua untuk menziarahi kuburan ayahandanya. Di Madinah ia diperlihatkan rumah tempat ayahnya di rawat dalam masa ia sakit dan wafatnya dan pusara tempat ia dikuburkan. Mereka tinggal di Kota Madinah kira-kira sebulan lamanya, kemudian lalu bertolak kembali ke Makkah. Dalam perjalanan pulang, apabila sampai di suatu tempat bernama "Abwa'" tiba-tiba Siti Aminah jatuh sakit lalu meninggal dunia dan dikuburkan di situ juga. Pada ketika itu umur Nabi Muhammad baharu meningkat enam tahun.

*Abwa' – ialah nama sebuah desa yang terletak di antara Madinah dan Juhfah, kira-kira 23 batu di sebelah selatan Kota Madinah.

[1] Pengulangan perkataan dan.

Nabi Muhammad di Alam Kanak-Kanak

Dalam makalah yang sependek ini tidak perlu digambarkan betapa sedih dan menderitanya jiwa batin seorang kanak-kanak yang sebegitu kecil menghadapi bencana kematian seorang ibu yang sangat dikasihinya. Baharu dalam beberapa hari lalu, masih terbayang-bayang dorongan matanya, masih terdengar-dengar di cuping telinganya suara keluhan dan rayuan ibunya di sisi pusara ayahnya yang telah meninggalkannya sejak ia berada di dalam kandungan. Sekarang ibunya pula telah meninggal dunia di hadapan matanya sendiri. Manusia manakah yang tidak akan bersedih menerima nasib malang yang seburuk ini? Ia sekarang sudah menjadi seorang dagang yang hidup sebatang karah, menjadi seorang anak yatim piatu yang telah ditinggalkan ayah dan ibunya dalam peringkat umur yang sebegitu kecil.

Betapa nasib malang yang diterima oleh Nabi Muhammad ini mempengaruhi dan mengharukan jiwa beliau, dapatlah kita ketahui dengan jelas di dalam kata-kata hiburan yang diturunkan Allah kepadanya setelah beliau diangkat menjadi rasul, sebagai mengulangi kisah malang yang dideritainya pada masa kecilnya. Firman Allah di dalam *Sūrah al-Dhuḥā* ayat (6-7):

"Alam yajidka yatīmā fa'awā wawajadaka dālā fahadā". Ertinya: "Tidakkah Ia (Allah) dapati engkau sebagai seorang anak yatim lalu diperlindungi-Nya, dan Ia dapati engkau dalam kebingungan lalu diberi-Nya pertunjuk?"

Di bawah asuhan datuk yang dikasihi:

Setelah ia ditinggalkan oleh ibunya, Nabi Muhammad diambil dan dipelihara oleh datuknya Abdul Mutalib, seorang tua yang telah mendekati umur delapan puluh tahun, yang amat cinta dan kasih kepada cucunya yang yatim piatu itu.

Abdul Mutalib adalah seorang tua yang sangat disegani oleh segenap lapisan masyarakat kaum Quraisy dan ia sebagai pemimpin seluruh kaum di Kota Makkah. Sebagai penghormatan kepada kedudukannya yang tinggi dan mulia itu, sampai anak-anaknya sendiri tidak berani menduduki hamparannya yang teristimewa disediakan baginya di bawah naungan Kaabah di dalam Masjid al-Haram. Tetapi tidak demikian halnya dengan cucunya Muhammad.

Menurut riwayat, pada suatu hari ketika Nabi Muhammad datang mendekati

Kemuncak "Jabal al-Nūr" di Makkah al-Mukarramah. Di sinilah tempat Nabi Muhammad (S.A.W) berkhalwat mengasingkan diri memohon hidayah dan pertunjuk ke jalan yang benar. Dan di sinilah pula turunnya wahyu yang pertama *"Iqra bismirabbika alladhi khalaq"* kepada Saiyidina Muhammad *salla Allāhu 'alayhi wa sallam* – melalui malaikat Jibril *'alayhi al-salām*. – Gambar Edrus Qalam.

datuknya yang sedang duduk berehat di sisi Kaabah, semua paman-pamannya yang duduk di sekeliling hamparan itu lalu memegang tangannya agar ia jangan sampai memijak hamparan datuknya, tetapi melihat itu Abdul Mutalib sendiri berkata: "Biarkanlah cucuku datang sendiri!" Dan begitulah seterusnya setiap kali Nabi Muhammad datang ke situ ia dipanggil dan didudukkan oleh Abdul Mutalib di sisinya.

Penderitaan yang kedua ditinggalkan oleh datuknya:

Dalam asuhan seorang datuk yang baik hati lagi penyayang itu, Nabi Muhammad dapat penghiburan dan dapat melupakan segala peristiwa sedih yang telah dialaminya pada masa yang lalu itu, tetapi sayang! Keadaan yang seperti ini tidak lama dinikmatinya. Baharu berselang dua tahun ia menghirup udara kebahagiaan di bawah asuhan datuknya yang masih lagi menumpahkan segenap perasaan kasih sayang terhadapnya, lalu ia meninggalkannya pula di dalam usia delapan puluh tahun. Pada masa itu Nabi Muhammad baharu berusia delapan tahun. Luka kematian ibunya pada masa dua tahun berselang, kini telah terbelah lagi oleh kematian datuknya yang sangat dicintainya. Dua kali berturut-turut dalam masa ia masih berada di dalam dunia kanak-kanak, Nabi Muhammad mengalami kemalangan ditinggalkan oleh dua orang manusia pujaanya yang sangat mangasihinya, manusia tempat ia mempertaruh dan memperlindungkan dirinya dan segenap jiwa raganya. Baharu dua tahun berselang ibunya meninggal, kini datang pula giliran datuknya.

Sungguh kematian Abdul Mutalib itu bukan sahaja merupakan suatu kemalangan besar bagi Nabi Muhammad, tetapi juga merupakan suatu kerugian yang tidak dapat ditukar ganti oleh segenap penduduk Kota Makkah. Dengan kematian itu penduduk-penduduk Makkah telah kehilangan seorang pemimpin yang tidak ada tolok bandingannya di zaman itu. Sesungguhnya di dalam kalangan seluruh masyarakat kaum Quraisy tidak ada seseorang pemimpin seperti beliau, baik tentang kecerdasan dan kebijaksanaan, mahupun tentang sifat keberanian dan keperwiraan, ataupun tentang keteguhan hati dan kuat cita-cita, di samping sifat semula jadinya yang bertabiat penyantun dan pemurah.

Di bawah asuhan seorang paman yang baik hati:

Setelah Abdul Mutalib meninggal dunia, maka Nabi Muhammad diasuh oleh pamannya Abu Talib. Abu Talib sebenarnya bukanlah putera Abdul Mutalib yang tertua. Puteranya yang tertua Harith namanya. Dan ia bukan pula termasuk dalam golongan orang yang berada. Di antara putera Abdul Mutalib yang terkaya ialah Abbas, tetapi Abbas ini kononnya sangat bakhil, sehingga menyebabkan penghormatan dan penghargaan orang ramai terhadapnya sangat kurang. Bersalahan dengan Abu Talib, biarpun keadaan hidupnya serba sederhana dan termasuk di dalam bilangan orang yang tidak begitu mampu, tetapi ia lebih dihormati dan dihargai oleh segenap masyarakat Quraisy, selain daripada sifatnya pemurah ia mempunyai budi pekerti dan akhlak yang tinggi mulia. Oleh kerana itulah sebelum ia menghembuskan nafas yang terakhir Abdul Mutalib memanggil Abu Talib untuk berwasiat menyerahkan cucunya yang dikasihi itu di bawah asuhan dan pemeliharaan Abu Talib.

Rasa kasih sayang yang ditumpahkan oleh Abu Talib terhadap Nabi Muhammad tidak kurang dengan kesayangan Abdul Mutalib sendiri. Anak saudaranya yang yatim piatu itu dikasihi dan disayangi sebagai mengasihi dan menyayangi anak kandungnya sendiri, bahkan lebih dari itu. Muhammad tidak pernah dilepaskan bercerai dengannya walau sesaat jua pun, makan bersama, tidur bersama, walau ke mana pun ia pergi Nabi Muhammad sentiasa berada disampingnya.

Dibawa merantau ke negeri Syam:

Ketika Nabi Muhammad telah berusia dua belas tahun, di mana ia sudah dapat menjaga dan mengurus dirinya sendiri, baharulah Abu Talib berfikir hendak meninggalkan Kota Makkah dan juga meninggalkan anak saudaranya itu, untuk pergi ke negeri Syam membawa barang-barang perniagaan dengan mengikuti salah satu kabilah dagangan yang akan berangkat ke sana. Hatinya sedikit pun tidak terfikir hendak membawa anak saudaranya itu bersama-sama pergi, kerana ia memikirkan seorang kanak-kanak yang baharu berumur dua belas tahun tentu tidak akan sanggup menempuh perjalanan yang sebegitu jauh, dan belumlah seharusnya ia mengalami kesusahan dan kesengsaraan musafir yang berjalan di bawah panas matahari yang seakan-akan membakar di tengah-tengah padang pasir yang luas saujana itu.

Nabi Muhammad di Alam Kanak-Kanak

Tetapi ketika kabilah akan berangkat dan Abu Talib sudah berada di atas kenderaannya, tiba-tiba Nabi Muhammad datang mendapatkannya dengan merayu-rayu sampai ia dibawa bersama-sama ke negeri Syam. Kehendaknya itu tidak dapat ditahan-tahan, akhirnya dengan sangat kasihan melihatkan keadaannya yang terlonta-lonta itu ia pun membenarkan anak saudaranya yang dikasihinya itu pergi bersama-sama.

Tanda-tanda *nubuwwah* (kenabian):

Selang tidak berapa hari sampailah kabilah itu ke Kota Basrah – sebuah kota indah yang terletak di bahagian selatan wilayah Syam. Di sana Nabi Muhammad dilihat oleh seorang pendeta Nasrani yang bernama Buhaira. Demi terlihat olehnya akan tanda-tanda *nubuwwah* (kenabian) pada diri Muhammad, menurut yang termaktub di dalam kitab suci agama Nasrani (Kristian), maka Abu Talib dinasihatkan supaya lekas-lekas membawa anak saudaranya itu kembali ke Makkah, kerana katanya ia khuatir anak itu akan dibunuh oleh orang-orang Yahudi yang mereka juga akan mengetahui tanda-tanda *nubuwwah* yang ada pada diri Muhammad itu. Tetapi kerana urusan perniagaannya, Nabi Muhammad dibawanya juga ke negeri Syam dalam keadaan terburu-buru dan penuh dengan rasa kebimbangan, dalam pada itu ia menyerahkan keselamatan anak saudaranya itu di bawah penjagaan Tuhan Kaabah yang maha berkuasa.

Menyaksikan kekuasaan Allah:

Di samping perjalanan melalui padang gurun yang luas tiada bertepi itu, dapatlah Nabi Muhammad:

- Mengadahi dari atas punggung unta kenderaannya, langit biru yang bercuaca cerah dihiasi oleh beribu-ribu bintang yang bertaburan di sana-sini.
- Menyaksikan runtuhan bekas-bekas purba kerajaan Arab, bekas Kota Madyan, bekas Kota Wadi al-Qura, bekas Diyar Thamud dan sebagainya.
- Mendengar cerita keagungan kerajaan-kerajaan Arab di zaman purbakala yang telah lenyap tergolong di dalam lipatan zaman yang datang pergi silih ganti.
- Menyaksikan keindahan kota-kota besar di tanah Syam, di antaranya banyak dikelilingi oleh kebun-kebun yang menghijau subur, yang berudara sejuk dan nyaman, yang amat menarik pandangan mata, pemandangan-pemandangan yang belum pernah dilihatnya dan tidak pun ada bandingnya sedikit juga dengan pandangan-pandangan dalam Kota Makkah, kota tempat ia dilahirkan, yang hanya dikelilingi oleh bukit-bukit batuu pejal yang tandus tanpa tumbuh-tumbuhan menghijau yang menyuburkan pandangan mata.



Tanah perkuburan "Al Ma'la" di Makkah al-Mukarramah. Di sinilah terletaknya makam Saiyidatina Khadijah binti Khuwailid Ummul Mukminin – isteri Nabi yang pertama. – Gambar Edrus Qalam.

Nabi Muhammad di Alam Kanak-Kanak

- Mendengar dan menyaksikan pendeta-pendeta Nasrani dan Yahudi mempertengkarkan kesucian agama masing-masing serta mendengar celaan-celaan mereka terhadap agama berhala bangsa Arab dan agama Majusi bangsa Parsi yang menyembah api dan sebagainya.

Benarlah sebagaimana kata peribahasa Melayu: "Lama hidup banyak dirasai, jauh berjalan banyak dilihati".

Biar pun Nabi Muhammad pada masa itu masih kanak-kanak yang baharu berumur dua belas tahun, namun jiwanya yang besar, hatinya yang suci jernih, perasaannya yang halus, akalnya yang tajam dan segala sifat-sifat kelebihan yang dikurniakan Tuhan kepadanya untuk menyanggupkan ia memikul bebanan risalah yang maha agung yang akan diletakkan ke pundaknya setelah genap usianya empat puluh tahun kelak, maka segala pendengaran dan penglihatannya yang berbagai-bagai rupa itu, tidaklah menjadi kepuasan kepadanya, bahkan segala-galanya itu menjadikan dia terus berfikir dan bertanya kepada dirinya sendiri: "Di manakah gerangan terletaknya kebenaran di antara semua yang didengar dan dilihatnya itu?"

Kembali ke Makkah:

Dari perjalanan secara tergesa-gesa dan dalam kebimbangan ini, tentunya Abu Talib tidak begitu banyak mendapat keuntungan. Kerana sesudah ia mendengar nasihat dari pendeta Nasrani di Kota Basrah itu, ia pun lalu meneruskan perjalanannya ke Syam dan dengan terburu-buru pula ia lantas membawa Nabi Muhammad pulang ke Makkah.

Menurut sejarah, sesudah ia kembali ke Makkah pada kali ini Abu Talib tak pernah lagi mengembara jauh tetapi ia hanya tinggal menetap di negeri tempat kelahirannya. Ada pun belanja nafkah anak-anak dan keluarganya dicukupkannya sahaja dari hartanya yang ada, dengan menjalankan perniagaan-perniagaan kecil di dalam negeri. Begitu pula Nabi Muhammad hidup menumpang pamannya dengan sekadar yang ada bersama-sama dengan sepupu-sepupunya yang lain, sambil mengerjakan pekerjaan-pekerjaan yang biasa dilakukan oleh anak-anak Makkah yang sebaya dengannya.

Sejak dalam pusingan pertama dari riwayat hidupnya, yakni semasa ia masih berada di alam kanak-kanak, telah terlihat tanda-tanda kesempurnaannya, sifat-sifat satria dan kepahlawanan, sifat-sifat berani dan setia, sifat lurus dan jujur, sehingga sluruh masyarakat di Kota Makkah, sepakat memanggil beliau dengan nama "al-Amin". Ertinya: "Orang yang sangat dipercayai."

Mengembala kambing:

Selain daripada pekerjaan-pekerjaan yang telah kita sebutkan di atas, yang pernah dilakukan oleh Nabi Muhammad ialah mengembala kambing. Pekerjaan mengembala ini meninggalkan kesan yang besar ertinya pada diri seorang nabi. Hingga sesudah beliau diangkat menjadi "Rasul Allah", menjadi seorang utusan pilihan tuhan, beliau pernah bersabda mengingati riwayat hidupnya di dunia kanak-kanak sebagai seorang pengembala:

"Mā bu'itha Allahu nabiyyā illa ra'a ghanam, bu'itha Musa wahuwa ra'a ghanam, wa bu'itha Daud wahuwa ra'a ghanam, wa bu'iththu[2] wa ana ar'a ghanam ahli biajyād" ertinya: "Allah Ta'ālā tidak mengutus seorang nabi melainkan dari pengembala kambing. Nabi Musa diutus, ia seorang pengembala kambing, Nabi Daud diutus, ia seorang pengembala kambing, dan saya diutus, juga pengembala kambing keluarga saya di Jiyad.**

Ya, seorang pengembala kambing yang berhati terang dan berfikiran waras di tengah-tengah padang saujana yang luas terbuka, di bawah langit yang cerah bercuaca, dapatlah mengambil kesempatan untuk melepaskan fikiran dengan sebebas-bebasnya dalam menuntut dan mempelajari adanya hakikat yang berselindung di sebalik alam lahir ini, di mana tempat sang gembala itu hidup menghirup kebersihan udaranya yang sepoi-sepoi bahasa, bersimbahkan sinar sang surianya yang memancar hangat, bermandikan cahaya sang rembulannya yang indah permai dan merawangi bintang-bintangnya yang gemerlapan bertaburan di angkasa raya.

Sebagai memperingati ulang tahun keputeraan Junjungan besar Nabi Muhammad *salla Allāhu 'alayhi wa sallam* yang diraikan oleh seumum umat Islam di seluruh dunia, maka memadalah kita mengguris pena mengulangkaji riwayat hidup beliau semasa berada di dalam dunia kanak-kanak. Untuk mengetahui riwayat selengkapnya tentang sejarah hidup beliau yang penuh dengan kisah-kisah perjuangan bagi menegakkan agama Allah di muka bumi ini, silalah para pembaca sekalian membaca buku-buku sejarah yang lebih besar dan lengkap. Di antaranya buku "Sejarah Ringkas Nabi Muhammad *salla Allāhu 'alayhi wa sallam*" yang diterbitkan oleh pencetak Qalam. Sekalian *Wa biLlāhi al-tawfīq*.

** Jiyad: Nama sebuah kawasan di dalam Kota Makkah.

[2] Perkataan sebenarnya adalah ***bu'ithtu.***